

PERPADUAN KAUM DALAM ISLAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara keindahan agama Islam, ialah memberi panduan hidup yang bukan sahaja membicarakan soal ketuhanan, tetapi turut mementingkan persoalan kemanusiaan. Walaupun manusia berasal daripada satu keluarga iaitu Nabi Adam 'Alaihissalam, namun manusia apabila berkembang ia menjadi berpuak-puak dengan pelbagai bangsa. Firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ إِذَا أَنْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَلِيمٌ خَيْرٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Ketika manusia mengamalkan dasar perkauman yang sempit, Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam diutuskan oleh Allah Subhanahu wa-Taala dengan berteraskan akidah tauhid yang sebenar, semangat perkauman yang menebal itu mula dihapuskan dan membentuk masyarakat yang bersatu padu. Siapa yang tidak kenal sahabat Nabi seperti Bilal bin Rabbah, Suhaib bin Sinan al-Rumi dan Salman al-Farisi, mereka hidup dalam perpaduan yang dibawa oleh Islam walaupun bukan berbangsa Arab. Tidak ketinggalan juga isteri Nabi seperti Mariah al-Qibtiyyah berbangsa Mesir dan Sofiyah binti Huyai yang berbangsa Yahudi. Inilah antara gambaran masyarakat majmuk yang berjaya dibina oleh Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Bahkan semasa berjaya membuka kota Makkah, Baginda begitu berbangga dengan kejayaan usaha menghapuskan perkauman, seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imām al-Tirmidhi:

قَدْ أَذْهَبَ اللَّهُ عَنْكُمْ عُيْبَةَ الْجَاهِلِيَّةِ وَفَخَرَهَا بِالْأَبَاءِ مُؤْمِنٌ تَقِيٌّ

وَفَاجِرٌ شَقِيٌّ وَالنَّاسُ بَنُو آدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah telah menghilangkan daripada kamu sifat-sifat Jahiliyah yang berbangga dengan nenek moyang kamu (berpuak-puak), sama ada kamu seorang mukmin yang bertakwa atau seorang yang jahat yang melakukan dosa, semuanya daripada keturunan Adam, dan Adam dicipta daripada tanah.”*

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah berpesan dalam khutbah wadak, supaya umat Islam menjauhi semangat perkauman sebagaimana hadis yang telah diriwayatkan oleh Imām Ahmad:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى
أَعْجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ وَلَا لَأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ وَلَا لَأَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ
إِلَّا بِالتَّقْوَى

Yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu Esa, dan kamu daripada bapa yang satu. Tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang ‘Ajam dan bagi orang ‘Ajam atas orang Arab, tidak ada kelebihan bagi orang berkulit merah atas orang berkulit hitam, bagi orang berkulit hitam atas orang berkulit merah kecuali dengan takwa.”

Dengan itu, umat Islam perlu memahami bahawa Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam juga tidak pernah menolak keperluan untuk memperjuangkan hak kaum masing-masing, dengan syarat tidak menzalimi orang lain. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Tirmizi:

عَلِّمُوا مِنْ أَنْسَابِكُمْ مَا تَصِلُونَ بِهِ أَرْحَامَكُمْ، فَإِنَّ صَلَةَ الرَّحِمِ مَحَبَّةٌ فِي الْأَهْلِ، مَثْرَاةٌ
فِي الْمَالِ، مَنْسَأَةٌ فِي الْأَثَرِ

Yang bermaksud: “Pelajarilah nasab keturunan kamu kerana dengannya kamu boleh menghubungkan silaturahim, sebab ia dapat menumbuhkan kasih sayang dalam keluarga, menambahkan harta, dan memanjangkan usia.”

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam mengetahui penduduk di Semenanjung Tanah Arab terdiri daripada pelbagai kabilah tetapi bagi menyatupadukan mereka, Baginda mengambil pendekatan dengan melantik peribumi iaitu kabilah Quraisy sebagai mengetuai mereka. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imām Ahmad:

الْأُمَّةُ مِنْ قُرَيْشٍ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya pemimpin itu perlu dilantik dalam kalangan bangsa Quraisy.*

Daripada hadis yang dibacakan tadi, dalam konteks Perlembagaan Malaysia meletakkan bangsa Melayu menjadi pemimpin kepada semua kaum di negara ini, tidak secara langsung telah mengambil pendekatan yang dibuat oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Sepatutnya pendekatan ini tidak lagi dipertikaikan kerana ia telah terbukti dapat menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di negara kita yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Hadis inilah yang telah dibaca oleh Saidina Abu Bakar, sejeurus selepas kewafatan Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, semasa umat Islam berbincang di Saqifah Bani Sa'dah mengenai pelantikan pemimpin selepas Baginda. Saidina Abu Bakar memperingatkan mereka, baik yang berasal dari Makkah dan Madinah, baik yang Arab dan bukan Arab, supaya menerima panduan politik Baginda. Berdasarkan kepada konteks semasa, Quraisy adalah bangsa yang paling dihormati dan paling berpengaruh di Tanah Arab. Dengan sebab itu, pelantikan pemimpin perlulah meraikan peribumi iaitu Melayu yang paling kuat dan berpengaruh di negeri masing-masing, bagi memastikan kelicinan urusan pentadbiran negara dalam memelihara kesucian Islam sebagaimana yang berlaku dalam negara kita.

Adakah ini diskriminasi perkauman kerana mengutamakan bangsa Quraisy? Adakah ini salah satu bentuk percanggahan hak asasi manusia? Sesungguhnya, tidak sama sekali. Bahkan inilah kepintaran politik Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam, yang sekali gus menjadi pendekatan terbaik yang perlu dicontohi, di ikuti dan dipertahankan dalam pentadbiran negara kita Malaysia dan seluruh dunia.

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama mengukuhkan semangat perpaduan di negara kita, dengan meraikan hubungan yang baik antara kaum. Sesungguhnya yang dinilai di sisi Allah Subhanahu wa-Taala ialah takwa, bukannya warna kulit. Tunjukkanlah akhlak yang mulia sesama manusia, agar negara kita terus aman dan hidup bersatu padu. Hormatilah juga hak umat Islam di negara ini, selaras dengan acuan perpaduan kaum yang ditunjukkan oleh Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam, dan juga peruntukan perlembagaan, tanpa perlu tunduk kepada telunjuk musuh-musuh Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ

الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.